



**SURAT PEKELILING PERBENDAHARAAN NEGERI
BIL. 3 TAHUN 2013**

Semua Pegawai Pengawal Jabatan Kerajaan Negeri,

**KAEDAH PENEMPAHAN DAN PEMBELIAN TIKET SERTA PEMBAYARAN UNTUK
SEMUA PERJALANAN UDARA RASMI**

Tujuan surat pekeliling ini dikeluarkan adalah untuk memaklumkan mengenai persetujuan Kerajaan Negeri Kelantan menerimapakai Surat Pekeliling Perbendaharaan (Persekutuan) Bil.2 Tahun 2010 bagi semua Anggota Perkhidmatan Negeri Awam Negeri Kelantan.

2. Pemakaian pekeliling tersebut adalah tertakluk dengan tafsiran seperti berikut:

Jabatan Akauntan Negara bermaksud	Unit Bendahari,
Malaysia	Perbendaharaan Negeri

3. Pekeliling berkenaan boleh dimuat turun melalui laman web <http://www.treasury.gov.my> untuk makluman dan tindakan selanjutnya.

4. Pekeliling berkenaan hendaklah dibaca bersama dengan arahan-arahan berikut:

4.1 Semua Anggota Perkhidmatan Negeri Awam Negeri Kelantan hendaklah merancang perjalanan udara rasmi bagi memastikan setiap perjalanan dari tempat bertugas sehingga ke tempat urusan rasmi adalah yang paling menguntungkan kerajaan.

- 4.2 Perbandingan harga tiket perjalanan udara rasmi mestilah dibuat perbandingan dengan mana-mana syarikat penerbangan bagi mendapatkan harga yang paling murah dan menguntungkan kerajaan.
- 4.3 Penempahan dan pembelian tiket perjalanan udara rasmi secara atas talian (on-line), melalui kaunter, secara tunai atau dengan menggunakan kad kredit adalah bebas dengan mana-mana syarikat penerbangan yang menawarkan harga terendah dan paling menguntungkan Kerajaan.
- 4.4 Kebenaran bagi penempahan dan pembelian tiket perjalanan udara rasmi sebagaimana di perenggan 4.3 diatas dan perenggan 7 Surat Pekeliling berkenaan mestilah mendapat kebenaran Pegawai Pemegang Waran (Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan) terlebih dahulu dengan menggunakan borang Permohonan sebagaimana di Lampiran A berkembar. Pembelian tiket perjalanan udara rasmi tanpa mendapat kelulusan Pegawai Pemegang Waran adalah dilarang sama sekali dan tidak layak untuk mendapat tuntutan bayaran balik dari pihak Kerajaan.
5. Manakala perenggan 5 pekeliling berkenaan adalah **DIPINDA** kepada sebagaimana berikut:

“Tertakluk kepada peraturan dan tatacara penggunaan syarikat penerbangan bagi perjalanan udara rasmi yang dikeluarkan oleh Unit Bendahari, Perbendaharaan Negeri , penggunaan Waran Perjalanan Udara Awam (WPUA) bagi tempahan tiket adalah dibenarkan seperti berikut:”


<u>Syarikat Penerbangan</u>	<u>Jenis Penerbangan</u>
Sistem Penerbangan Malaysia Berhad (MAS)	Antarabangsa dan Domestik
AirAsia Berhad	Antarabangsa dan Domestik
FlyFireFly Sdn Bhd (Firefly)	Domestik

6. Pekeliling ini berkuatkuasa mulai **01 Januari 2014**.

Sekian, terima kasih.

"ISLAM DIHAYATI, RAJA DITAATI, RAKYAT DINAUNGI"

Saya yang menurut perintah,


(DATO' HAJI MOHD FAUDZI BIN HAJI CHE MAMAT)
PEGAWAI KEWANGAN NEGERI
KELANTAN.

Perbendaharaan Negeri Kelantan
Blok 4, Tingkat 1 Kota Darulnaim
15503 KOTA BAHARU

Bertarikh : 13 Safar 1435 H Bersamaan 16 Disember 2013M
[P.K.N.A.1/20-1/Jld.4 (07)]

Salinan kepada:

Yang Amat Berhormat Ustaz Dato' Menteri Besar Kelantan
Yang Berhormat Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan
Yang Amat Berusaha Pengarah Audit Negeri Kelantan
Yang Berusaha Bendahari Negeri Kelantan

PPKN(KPI)/Pekeliling/perjalanenudera/FMN

Bertarikh:

Yang Berhormat
Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan

Melalui : Ketua Jabatan Berkenaan

Dato',

PERMOHONAN MENDAPAT KELULUSAN PERJALANAN UDARA RASMI

Dimaklumkan dengan hormatnya bahawa saya ada urusan rasmi/dikehendaki menghadiri:

- a) Mesyuarat/Perjumpaan/ Perbincangan :
- b) Masa/Tarikh Mula Mesyuarat Masa/Tarikh tamat (dijangka)
(Sila Kembar Surat Panggilan Mesyuarat)
- c) Kementerian :
- d) Tarikh Berlepas : Jam :
- e) Tarikh Balik : Jam :
- f) Syarikat/Agen Penerbangan :
- g) Kelayakan Tambang Kelas : **Business** **Ekonomi**

Sebagai Wakil Kerajaan Negeri Kelantan.

2. Yang demikian saya pohon kebenaran pemergian itu dengan kapal terbang dan sekiranya dipersetujui diluluskan melalui kaedah:

- i) Waran Perjalanan Udara Awam (AM105)
- ii) Penggunaan Tunai/Kad Kredit dan Imbuh balik
- iii) Pembelian melalui kaunter dan imbuh balik

3. Dengan ini saya mengesahkan bahawa pemergian ini adalah di atas urusan rasmi Kerajaan.

Yang Menurut Perintah

.....
Tandatangan
Pemohon :
Jawatan dan Gred :

Pembantu Pejabat
Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan
KOTA BHARU.

Permohonan tersebut *diluluskan/tidak diluluskan* melalui:-

- i) Waran Perjalanan Udara Awam (AM105)
- ii) Penggunaan Tunai/Kad Kredit dan Imbuh balik
- iii) Pembelian melalui kaunter dan imbuh balik

**SETIAUSAHA KERAJAAN KELANTAN
ATAU
TIMBALAN SETIAUSAHA KERAJAAN (PENGURUSAN)**

*Waran Perjalanan Udara Awam (AM 105) No: Bertarikh:

Dikeluarkan :

Tarikh :

Pembantu Pejabat

*ppkn(kp)/waran tiket/sf